

19 SEP 1996

Pertemuan-Umno/S46

PERTEMUAN BERSEJARAH BADAN PERHUBUNGAN UMNO DAN S46 KELANTAN

KOTA BAHARU, 19 Sept (Bernama) -- Badan Perhubungan Umno dan Parti Melayu Semangat 46 (S46) Kelantan hari ini mengadakan pertemuan bersejarah selepas kira-kira 10 tahun "berpisah" dengan agenda utama menjayakan Perhimpunan Penyatuan Melayu di sini pada 3 Okt depan.

Badan Perhubungan Umno Kelantan diketuai timbalan pengerusinya Datuk Haji Annuar Musa manakala S46 diketuai pengerusi negeri, Datuk Haji Rozali Isahak.

Mesyuarat sejam itu turut dihadiri Menteri Pembangunan Usahawan, Datuk Mustapa Mohamed, Setiausaha Perhubungan Umno negeri, Haji Ahmad Shahibuddin Mohamad Noor, Setiausaha Perhubungan S46 Negeri, Senator Mohamad Zain Daud, wakil-wakil rakyat Umno dan S46 serta ketua-ketua pemuda dan wanita kedua-dua parti.

Pada persidangan berita bersama selepas mesyuarat itu, Annuar berkata pertemuan itu langkah permulaan untuk meneruskan proses penyatuan orang Melayu selepas pembubaran S46 bulan depan.

Antara lain pertemuan itu bersetuju membentuk jawatankuasa persiapan bersama perhimpunan itu yang akan dihadiri Presiden Umno, Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad dan Presiden S46 Tengku Razaleigh Hamzah.

Katanya sekurang-kurangnya 50,000 orang dijangka menghadiri perhimpunan bersejarah itu yang akan dijadikan perhimpunan besar untuk memantapkan keyakinan masyarakat di negeri ini bahawa menerusi penyatuan S46 dan Umno, ia akan membina era politik baru yang memberi harapan cerah kepada rakyat keseluruhannya.

Beliau meminta pimpinan negeri dan bahagian supaya dengan ikhlas memulakan usaha menjalin kerjasama di semua peringkat bagi membolehkan proses penyatuan berjalan dalam masa singkat dan bermakna.

Annuar yakin proses itu akan berjalan dengan baik dan Umno akan bekerjasama bagi memastikan penyatuan S46 dan Umno berjalan licin dan teratur di bawah panduan yang diberikan Dr Mahathir dan Majlis tertinggi parti.

Beliau turut menasihati parti Pas menyertai penyatuan Melayu itu agar kemelut yang melanda kerajaan Kelantan pimpinan parti itu sekarang diselesaikan secara baik.

"Banyak masalah boleh diselesaikan melalui penyatuan itu memandangkan kemelut yang dihadapi sekarang disebabkan unsur politik yang keterlaluan di dalam Pas," katanya.

Sementara itu, Rozali berkata semua anggota Semangat 46 gembira kerana dapat kembali kepada perjuangan yang telah lama di kesampingkan serta dapat bersama dengan rakan-rakan lama.

Katanya parti itu akan bekerjasama dengan Umno untuk menjayakan perhimpunan dan penyatuan yang dimulakan hari ini adalah satu proses untuk mengambil balik pemerintahan negeri ini dari PAS.

Beliau berkata Pas kini semakin tersepit sebagaimana dapat dilihat dengan tindakan parti itu sering menunda mesyuarat mingguan EXCO kerajaan negeri yang dijadualkan setiap Rabu apabila ada anggota EXCO PAS tidak dapat hadir mesyuarat.

Rozali, yang juga Timbalan Menteri Besar II, berkata beliau khuatir mesyuarat EXCO tidak akan diadakan langsung jika anggota EXCO PAS terus tidak hadir dan keadaan itu akan memberi kesan buruk kepada rakyat.

Masing-masing Pas dan S46 mempunyai empat anggota EXCO dengan Menteri Besar Datuk Haji Nik Abdul Aziz Nik Mat sebagai pengerusi mesyuarat dan

jika seorang anggota PAS tidak hadir, mesyuarat tidak akan dijalankan.

Beliau berkata sudah sampai masanya Pas memikirkan kedudukan mereka dan jika boleh mengembalikan mandat untuk memerintah negeri ini kepada rakyat.

-- BERNAMA

NH AHH